

**Amalan Kepimpinan Guru Besar Sekolah Harapan Negara 2007 SK Parit Setongkat,
Muar, Johor.**

Hassan Bin Hushin & Che Husin Bin Ismail
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini adalah untuk melihat gaya kepimpinan Guru Besar di SK Parit Setongkat, Muar, Johor. Tinjauan dibuat untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang kepimpinan di sekolah tersebut berdasarkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam pelbagai bidang sehingga telah berjaya dianugerahkan sebagai Sekolah Harapan Negara 2007. Kajian ini adalah berbentuk kajian kes (kualitatif dan kuantitatif) iaitu dengan melihat secara intensif amalan-amalan kepimpinan Guru Besar sekolah ini bagi mendapatkan penjelasan dan maklumat berkaitan dengan kejayaannya. Tinjauan adalah berfokus kepada Guru Besar itu sendiri dengan melihat aspek kriteria kepimpinan yang diamalkan, cara bekerja, visi dan misi yang didukung dan juga meninjau hubungan Guru Besar dengan subordinat dan masyarakat. Elemen-elemen ini dapat membantu menjelaskan lagi tentang gaya kepimpinan Guru Besar dalam memajukan institusi yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Hasil daripada pemerhatian, pemerhatian turut serta, temubual dan pergaulan dengan Guru Besar, telah dapat memberikan gambaran, penjelasan dan jawapan yang berkaitan dengan gaya kepimpinan beliau. Beliau mampu membuat perubahan, pembaharuan dan memajukan sekolahnya sesuai dengan visi dan misi sekolah. Seterusnya, dalam melaksanakan tugasnya, Guru Besar sentiasa menjaga dan menjalin hubungan baik dan harmoni dengan guru-guru, murid, kakitangan sekolah dan masyarakat sekitar.

Katakunci : amalan kepimpinan, guru besar

Pengenalan

Banyak sekolah di Malaysia telah menempah kejayaan dalam pelbagai bidang tetapi kejayaan manis mereka itu jarang diketahui atau dikongsi bersama dengan rakan-rakan yang lain. Rahsia kejayaan sekolah-sekolah berkenaan tidak pernah diketahui kerana tidak pernah diselidiki dan seterusnya tidak didokumentasikan. Satu kajian empirika perlu dibuat untuk melihat apakah faktor yang menyebabkan sesetengah sekolah telah berjaya muncul sebagai sekolah yang cemerlang terutamanya bagi sekolah yang dahulunya dilihat sebagai sekolah biasa yang tidak memperolehi sebarang kejayaan.

Jemaah Nazir Sekolah dalam penaziran ke sekolah-sekolah mendapati bahawa semua sekolah yang cemerlang berkait rapat dengan pengurusan dan kepimpinan cemerlang kepimpinan sekolahnya. Didapati ada sekolah yang cemerlang mengalami kemerosotan dan ada sekolah biasa berubah menjadi sekolah cemerlang apabila diambil alih oleh pemimpin sekolah yang baru. Guru Besar sebagai pemimpin utama di sekolah adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan cemerlang atau tidaknya sesebuah sekolah.

Bagi melihat kepentingan pengurus dan pemimpin dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah, satu tinjauan dibuat ke atas Guru Besar Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar, Johor yang telah berjaya mengubah sekolahnya dari sekolah biasa kepada sebuah sekolah yang cemerlang dan berjaya mendapat pelbagai kejayaan dan dikategorikan sebagai Sekolah Harapan Negara tahun 2007.

Pernyataan Masalah

Kepentingan keberkesanan pengurusan dalam organisasi pendidikan sering diperkatakan kerana ia berkait rapat dengan penyediaan pendidikan yang bermutu dan mempunyai standard yang tinggi untuk murid. Banyak kajian yang dilakukan menunjukkan sekolah cemerlang dapat dihasilkan melalui kepimpinan yang cekap dan berkualiti. Ini menunjukkan bahawa pengurusan yang baik akan membawa kelainan kepada peningkatan kualiti sekolah dan kemenjadian murid-muridnya.

Amalan-amalan dan kekuatan Guru Besar cemerlang yang dengan jelas telah berjaya mengubah sekolahnya dari sekolah biasa kepada sekolah yang cemerlang tidak begitu diberi perhatian. Sepatutnya amalan kepimpinan yang berkesan terutama bagi bagi sekolah yang jelas terbukti kecemerlangannya dalam pelbagai bidang, perlu dikaji kerana tentunya mempunyai pelbagai faktor yang mendorong kepada pencapaian kecemerlangan tersebut. Justeru itu, aspek kepimpinan akan diberi penumpuan dalam kajian ini dan diharapkan melalui kajian ini, dapatan-dapatan yang berkaitan dengan gaya kepimpinan yang berkesan dapat dijadikan contoh kepada sekolah-sekolah lain agar turut sama mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan pengurusan dan kepimpinan Guru Besar dalam mengubah SK Parit Setongkat, Muar, Johor. Kajian ini juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan idea yang praktikal tentang kepimpinan dan pengurusan sekolah yang berkesan.

Objektif kajian mengenai gaya kepimpinan Guru Besar SK Parit Setongkat bertujuan untuk:-

- a) Mengenalpasti kualiti peribadi yang dimiliki oleh Guru Besar.
- b) Mengetahui strategi Guru Besar dalam melakukan perubahan di sekolah.
- c) Mengenalpasti gaya kepimpinan Guru Besar dalam mengurus sekolah.
- d) Mengetahui pendapat dan idea-idea Guru Besar mengenai matlamat dan hala tuju sekolah.
- e) Mengetahui sejauh mana hubungan Guru Besar dengan subordinat, murid, ibu bapa dan masyarakat.

Kepentingan Kajian

Sesungguhnya kajian ini adalah satu usaha bagi melihat dan merakumkan pelbagai idea praktikal dan amalan berkesan Guru Besar dalam proses 'reengineering' sebuah sekolah biasa sehingga berjaya mendapat pengiktirafan dan memperolehi pelbagai anugerah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dan seterusnya dianugerahkan sebagai Sekolah Harapan Negara dan sekolah cemerlang peringkat kebangsaan tahun 2007. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada pemimpin sekolah dan juga secara tidak langsung dapat memperkayakan khazanah ilmu berkaitan dengan pengurusan sekolah. Sesungguhnya kajian ini jika dilihat secara nurani dan celik akal ia dapat dijadikan sebagai teladan dan sempadan dalam memaju serta membangunkan sekolah.

Kajian ini adalah berkaitan dengan kepimpinan dan pengurusan sekolah yang berkesan, berdasarkan pengalaman sebenar, ekspresi dan penghayatan sebagai Guru Besar, maka ia boleh diguna pakai oleh pemimpin sekolah untuk dicontohi dan dijadikan model kepimpinan di sekolah masing-masing. Usaha kajian ini adalah serasi dengan cabaran profesionalisme Guru Besar dan merupakan salah satu elemen perkongsian pengalaman dan idea yang boleh dimanfaatkan oleh semua Guru Besar sekolah yang lain.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian dijalankan adalah kajian kes berbentuk kualitatif seperti yang disyorkan oleh Mohd. Majid Konting (1990). Kajian kualitatif adalah merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan satu fenomena yang berlaku secara terperinci.

Menurut Stake (1997) dalam Morohani (2001) menegaskan bahawa kaedah kajian kes secara kualitatif dianggap sebagai kaedah penyelidikan pendidikan yang sesuai untuk mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan pendidik dan isu-isu pendidikan kerana membantu melihat dan menyiasat sesuatu masalah secara mendalam.

Kajian kes ini adalah penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik ke atas seorang Guru Besar yang telah dikenalpasti telah berjaya mengamalkan kepimpinan cemerlang yang mana sekolahnya telah berjaya mendapat Anugerah Sekolah Harapan Negara tahun 2007. Kajian kes ini banyak menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan data. Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), menyatakan bahawa kaedah temubual mempunyai kelebihan iaitu, penyelidik boleh menerangkan sesuatu isu yang tidak difahami oleh sampel dengan lebih terperinci. Dalam kajian ini penyelidik akan meninjau amalan kepimpinan cemerlang Guru Besar di SK Parit Setongkat yang telah berjaya dalam pelbagai bidang untuk dicontohi dan dijadikan sebagai model.

Menurut Mohd. Majid Konting (1990), kajian kes menekankan kepada pemahaman mengenai persoalan mengapa individu atau unit sosial menjadi keadaannya seperti sekarang dan bagaimana perubahan tingkahlaku pada individu atau unit sosial tersebut berlaku.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pelbagai instrument untuk dapatkan maklumat dan data. Instrument itu dibuat dalam bentuk soal selidik, temubual, pemerhatian, dokumen bergambar, tinjauan dan analisis dalaman dan semakan dokumen.

Soal Selidik : Penyelidik menggunakan satu set soalan soal selidik. Item dalam soal selidik telah direka khas untuk menilai persepsi guru, staf sokongan dan ibu bapa tentang hubungan dengan Guru Besar. Item soal selidik ini diterjemah dan diadaptasi daripada Polnick et al. (2003) *The Ethical Administrator*. Seramai 10 orang responden dipilih secara rawak terdiri dari tiga orang Guru Penolong Kanan, tiga orang guru, dua orang staf sokongan dan dua orang ibu bapa

Temubual : Penyelidik menemubual Guru Besar dengan berpandukan satu set soalan yang telah disediakan. Responden akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan. Susunan soalan dan cara soalan dikemukakan disesuaikan dengan sambutan dan jawapan yang akan diberikan oleh subjek semasa ditemubual. Soalan-soalan asas akan digunakan untuk mengumpul maklumat dan data yang diperlukan bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan. Soalan-soalan tambahan akan dikemukakan semasa sesi temubual berlangsung. Penyelidik akan memberi penjelasan lanjut terhadap soalan yang dikemukakan bagi membantu kefahaman dan mendapat jawapan yang dikehendaki. Bahasa yang digunakan dalam soalan-soalan adalah bahasa yang mudah dan ringkas. Responden akan dimaklumkan terlebih dahulu tentang tarikh dan masa temubual yang akan dijalankan. Perbualan juga akan dirakam untuk membantu penyelidik membuat rumusan.

Pemerhatian : Maklumat mengenai kualiti peribadi dan cara bekerja Guru Besar akan diperolehi dengan kaedah pemerhatian. Penyelidik akan membuat pemerhatian dan pemerhatian ikut serta berdasarkan senarai semak yang telah disediakan.

Dokumen Bergambar : Dokumen bergambar meliputi aspek-aspek persekitaran sekolah dan situasi-situasi tertentu untuk memperlihatkan amalan pemimpin sekolah semasa mengendalikan tugas seharian seperti cara kepimpinannya terhadap pengendalian perhimpunan rasmi, urusan pejabat, pengendalian mesyuarat, perhubungan pemimpin dengan guru, murid dan kakitangan sokongan, pengendalian masalah disiplin dan lain-lain.

Tinjauan Dan Analisis Dalaman : Penyelidik akan membuat tinjauan dan memerhati tentang aspek etos dan budaya sekolah, suasana sekolah, cara Guru Besar mengurus sekolah, suasana pengajaran dan pembelajaran, persekitaran dan fizikal sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sekolah yang lain.

Analisis Data

Cara Bekerja Guru Besar

Hasil daripada pemerhatian dan rekod kedatangan guru, Guru Besar tiba di sekolah setiap hari tidak lewat dari pukul 7.10 pagi. Beliau menamatkan tugas rasmi tidak tentu masa. Selalunya beliau akan pulang ke rumah pada pukul 5.00 petang.

Beliau juga mempunyai perancangan yang kemas dalam urusan tugas seharian. Beliau menggunakan buku rekod sebagai panduan untuk merancang pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan sistem diari untuk memastikan tarikh-tarikh penting dan waktu-waktu untuk menghadiri mesyuarat, pemantauan dan urusan-urusan rasmi yang lain. Jadual waktu juga digunakan untuk memastikan kelas-kelas yang diajar berjalan lancar mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Cara Mengendalikan Perhimpunan Rasmi Sekolah

Perhimpunan rasmi sekolah diadakan pada setiap pagi Isnin jam 7.30 pagi. Pelajar-pelajar akan berkumpul di dewan besar sekolah lebih awal, dan beratur mengikut kelas masing-masing seperti yang telah ditetapkan. Guru Besar dan para guru akan berkumpul di atas pentas. Nyanyian lagu Negaraku, lagu negeri Johor, Lagu Sekolah dan sebuah lagu patriotik 'Malaysia Berjaya' dinyanyikan beramai-ramai dengan diiringi muzik yang dirakamkan. Selepas nyanyian, ikrar dibacakan dan diikuti oleh bacaan doa yang disampaikan oleh wakil pelajar.

Selepas itu laporan guru bertugas pada minggu lepas tentang perkara-perkara yang berkaitan aktiviti, kebersihan dan tindakan yang telah dilakukan ke atas apa sahaja yang berlaku yang melibatkan persekitaran sekolah. Seterusnya ucapan Guru Besar yang berupa nasihat, dorongan dan menyampaikan maklumat serta mesej penting kepada murid-murid dan guru. Hasil dari pemerhatian, murid-murid membawa diari dan mencatat perkara yang dianggap penting yang disampaikan oleh guru-guru dan Guru Besar sepanjang perhimpunan berlangsung. Murid-murid juga kelihatan begitu berdisiplin, mendengar dengan teliti dan berada dalam keadaan senyap. Setelah selesai Guru Besar menyampaikan ucapannya, guru bertugas mingguan menyampaikan taklimat dan program-program yang akan diadakan sepanjang minggu. Perhimpunan tamat pukul 8.10 pagi. Apa yang dapat diperhatikan dalam pengendalian perhimpunan rasmi sekolah sememangnya berjalan lancar dan ianya telah menjadi budaya di sekolah ini.

Cara Mengendalikan Mesyuarat

Hasil daripada pemerhatian turut serta, dapat dilihat perjalanan mesyuarat guru dan staf sekolah. Sepanjang sesi mesyuarat dengan yang bermula jam 12.45 tengahari dan tamat 2.30

petang, pada peringkat 30 minit awal, mesyuarat dikendalikan oleh GPK 1 dan GPK HEM. Di sini jelas Guru Besar telah memberikan penurunan kuasa (empowerment) dan *delegating* kepada pembantu-pembantunya, sementara beliau meninjau dan membuat pemantauan di sekitar sekolah. Semasa mesyuarat berjalan semua murid berada dalam kelas, tiada pelajar berkeliaran. Beliau telahpun mengarahkan guru-guru menyediakan tugas-tugas tertentu untuk dilakukan oleh murid-murid dengan pengawasan pengawas kerana mesyuarat yang diadakan pada hari itu, telah diberitahu sehari lebih awal iaitu dengan merujuk kepada surat edaran dan takwim sekolah.

Dalam mesyuarat tersebut, dapat diperhatikan ia dijalankan dengan begitu baik dan teratur. Guru-guru menepati waktu, dan mereka bersama-sama bertukar-tukar idea dan fikiran, mendengar dengan teliti arahan dan saranan daripada Guru Besar dan guru-guru penolong kanan. Guru Besar juga menegaskan tentang pentingnya semangat kerja berpasukan agar kecemerlangan prestasi akademik dan juga ko-kurikulum dapat terus dipertingkatkan.

Cara Berinteraksi Dengan Guru-guru Dan Kakitangan Bawahan

Hasil daripada pemerhatian, pengetua tidak mempunyai batasan tertentu dalam menjalankan interaksi dengan guru-guru dan kakitangannya. Beliau dapat mengenali semua subordinat dan pada keadaan-keadaan tertentu beliau kelihatan begitu mesra dengan pekerja bawahannya. Apa yang dapat dilihat ialah boleh dikatakan guru-guru, kakitangan pejabat, murid-murid mudah berurusan dengan Guru Besar. Mereka akan datang menemui Guru Besar dan begitu juga Guru Besar akan menemui guru-guru atau kakitangannya jika memerlukan sesuatu penjelasan, menyampaikan pandangan atau memberi pendapat.

Cara Menyampaikan Mesej Dan Maklumat Terkini

Melalui pemerhatian, mesej dan maklumat-maklumat terkini disampaikan melalui beberapa cara. Cara penyampaian dilakukan mengikut situasi dan keperluan sama ada perlu disegerakan atau boleh diberitahu melalui orang lain mengikut kepentingan sesuatu maklumat tersebut. Biasanya maklumat akan disalurkan melalui guru-guru penolong kanan, ketua-ketua panitia, guru disiplin, kaunselor sekolah dan sebagainya. Maklumat-maklumat seperti kemasukan murid ke asrama penuh dilekatkan di papan kenyataan, begitu juga dengan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan perkembangan sekolah seperti rencana-rencana yang dikeluarkan dalam akhbar dilekatkan di sudut-sudut tertentu di sekitar sekolah.

Selain itu, maklumat-maklumat mengenai peperiksaan diberitahu kepada murid-murid dalam perhimpunan dan surat makluman kepada ibu bapa. Pekeliling jabatan dan kementerian pendidikan pula ditampalkan di papan kenyataan. Selain itu maklumat-maklumat juga disampaikan semasa mesyuarat khususnya yang menyentuh tentang dasar-dasar dan polisi sekolah selaras dengan matlamat sekolah dan Falsafah Pendidikan Negara.

Mengatasi Masalah-masalah Pentadbiran

Hasil daripada pemerhatian, pemerhatian turut serta dan perbualan dengan Guru Besar, setakat ini beliau belum lagi menghadapi masalah yang besar dalam pentadbiran kerana guru-guru penolong kanan, guru-guru dan kakitangan pejabat dapat memahami tugas dan peranan masing-masing. Masing-masing mempunyai bidang tugas yang telah ditentukan dan mereka dapat menjalankannya dengan berkesan. Sekolah ini telahpun mengamalkan pendekatan-pendekatan kualiti dalam semua bidang tugas. Antaranya semua maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pelajar, guru-guru dan kakitangan disimpan dalam fail khas dengan penggunaan 'soft-ware' dalam komputer dan juga direkodkan. Begitu juga dengan maklumat

kewangan. Buku tunai kerajaan dan wang suwa diuruskan oleh kerani kewangan yang berpengalaman. Peranan Guru Besar adalah memastikan segala urusan yang melibatkan pentadbiran dilakukan dengan sempurna dan mengikut prosedur yang betul. Oleh itu Guru Besar lebih banyak menggunakan pendekatan demokratik, iaitu beliau akan berbincang, bertukar-tukar fikiran dan pendapat serta memberikan idea-idea yang difikirkan perlu untuk memastikan segala urusan dan tugas dapat dijalankan dengan sempurna.

Pemerhatian Pengajaran Dan Pembelajaran.

Hasil daripada pemerhatian dan penyertaan turut serta dalam proses pengajaran-pembelajaran Guru Besar kelas tahun 6 A, dalam matapelajaran sivik dan kewarganegaraan, dapat diperhatikan beberapa perkara yang menarik telah dipraktikkan oleh Guru Besar.

Hubungan Guru Besar Dengan Murid : Guru Besar dapat menjalin hubungan yang mesra dengan murid-murid. Beliau menggunakan pendekatan soal jawab, lakonan, penjelasan dan menggunakan kertas edaran untuk menilai pemahaman murid. Murid juga menggunakan buku teks sebagai rujukan. Hasil pemerhatian, murid-murid sangat berminat dan memberi kerjasama dengan baik serta mengambil bahagian yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara aktif. Guru Besar juga dapat mengenali semua nama murid dan dapat menyebut nama mereka ketika menyoyal.

Hubungan Murid Dengan Murid. : Hubungan sesama murid juga diperhatikan baik dan mesra. Mereka saling membantu dan bekerjasama. Antara yang dapat diperhatikan ialah mereka berbincang mengikut kumpulan untuk mendapatkan jawapan yang betul terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh Guru Besar. Tahap kerjasama dan saling bantu-membantu adalah tinggi.

Penglibatan Pelajar : Secara keseluruhan dapat diperhatikan, penglibatan pelajar dalam pembelajaran adalah aktif dan mereka melakukan aktiviti 'lakonan' dengan menghayati melalui dialog yang dikemukakan. Mereka tidak merasa segan atau malu-malu, bahkan dalam keadaan ceria yang diselang selikan dengan deraian ketawa pelajar apabila terdapat babak seperti berdehem atau ketawa. Pelajar-pelajar didapati menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembelajaran. Kesemua mereka memberi tumpuan kerana tiada pelajar yang membuat aktiviti lain. Mereka kelihatan seronok dan puas dengan apa yang diteima pada masa itu. Pelajar-pelajar juga mempunyai peluang untuk menjawab soalan-soalan terbuka, misalnya guru besar menanyakan konsep-konsep dan penggunaan istilah seperti negeri-negeri selat, mengapa ia dikenali sebagai Syarikat Hindia Timur Inggeris. Pelajar dapat menjelaskan dengan menyatakan pelayaran itu melalui lautan Hindi. Hasil daripada pemerhatian, semua pelajar berpeluang mengemukakan soalan-soalan yang kurang difahami.

Masa Pengajaran Dan Pembelajaran : Pengagihan masa sememangnya telah dirancang dan dapat menepati waktu (dua waktu – 60 minit). Pengajaran bermula dengan mengenalkan pelajar dengan konsep-konsep dan istilah sebelum berkembang kepada isi-isi pelajaran. Tingkahlaku yang diperlihatkan ialah pelajar memberi respon yang baik dan aktif. Misalnya aktiviti mengemukakan soalan, meminta penjelasan lanjut dan memberi jawapan ketika disoal. Selain itu murid-murid juga diberi kerja rumah sebagai aktiviti pengayaan terhadap tajuk yang dipelajari. Apa yang menarik ialah waktu pembelajaran tamat, sebaik sahaja mereka mengucapkan salam dan terima kasih, semua murid bersalaman sambil mencium tangan Guru Besar. Keadaan seperti ini jarang dilihat di

sekolah-seolah lain. Menurut Guru Besar, bersalaman dengan guru selepas tamat sesuatu sesi pembelajaran, telah menjadi budaya di sekolah ini.

Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan kualiti peribadi Guru Besar SK Parit Setongkat, Muar amat baik. Keadaan fizikal dan kesihatannya kelihatan sentiasa dalam keadaan baik dan cergas. Kesihatan rohani yang meyakinkan iaitu bebas dari tekanan, tidak ada rasa takut, kekhuatiran atau cemas dan yakin apabila mengemukakan pendapat. Keadaan emosi beliau juga stabil dan sentiasa bersemangat kental dalam menghadapi cabaran. Beliau tidak mudah hilang pertimbangan, tidak mudah tersinggung, marah, sentimental atau memperkecilkan orang lain. Beliau juga seorang yang berpengetahuan luas dan suka mempelajari sesuatu yang baru. Beliau juga berani menanggung risiko terhadap segala keputusan yang diambil agar perubahan tetap berlaku dalam organisasi, berani membuat keputusan yang cepat dan tepat dalam keadaan terdesak, juga cekap dalam mengendalikan masalah dan tidak takut kepada kegagalan. Hasil daripada pemerhatian dapat dilihat Guru Besar menepati ciri-ciri karismatik, bijaksana dalam menyelesaikan masalah. Sebagai pemimpin beliau juga dapat menunjukkan kesabaran yang tinggi dan mempunyai semangat untuk terus maju dalam segala bidang. Beliau juga seorang yang adil, amanah dan bertanggungjawab. Guru Besar sememangnya orang yang mudah mesra, mudah didekati, berwajah tenang dan ceria serta menyenangkan. Dari aspek kepimpinan beliau mempunyai motivasi sendiri yang tinggi dan mempunyai ciri-ciri keyakinan pada diri sendiri. Dari aspek personaliti, dengan jelas memperlihatkan pemimpin ini mempunyai ciri-ciri iman dan takwa, beramal soleh dan berdisiplin.

Hasil kajian juga telah mendapati pendapat dan idea Guru Besar mengenai matlamat dan hala tuju sekolah sangat memainkan peranan penting dalam membawa kejayaan kepada sekolah. Dalam hal ini Guru Besar telah membina visi dan misi sekolah secara kolaboratif. Visi sekolah ini ialah menjadikan SK Parit Setongkat sebagai sekolah yang unggul dari segi pencapaian akademik, sahsiah dan ko-kurikulum di Daerah Muar pada tahun 2010. Manakala misinya pula ialah mengembeling seluruh sumber yang ada dengan semangat persaudaraan dan kekitaan serta kerjasama yang tinggi dalam meningkatkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum serta pemantapan nilai-nilai murni anak-anak didik sesuai dengan gerakan pengisian wawasan pendidikan ke arah Budaya Sekolah Cemerlang.

Hasil dapatan kajian, mendapati hubungan antara Guru Besar dengan guru dan staf sokongan adalah baik dan mesra. Beliau adalah seorang pemimpin yang disenangi dan diterima baik oleh seluruh warga sekolah. Setakat ini Guru Besar tidak menghadapi sebarang masalah dalam hubungannya dengan guru-guru dan staf sokongan di sekolah. Beliau sentiasa mendapat sokongan dan kerjasama yang baik pada setiap masa. Ini mungkin ekoran Guru besar sentiasa mengambil berat tentang kebajikan, mengambil tahu dan memahami keinginan mereka. Hasil daripada hubungan yang baik ini subordinat sentiasa menghormati dan memberi taat setia serta kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada Guru Besar. Guru Besar juga dijadikan sebagai tempat mencari inspirasi, nasihat dan galakan. Oleh itu jika Guru Besar tidak ada di sekolah kerana urusan rasmi di luar sekolah atau mengikuti program PKPBGB guru-guru dan staf sokongan akan merasa satu kekosongan dan tidak lengkap pada masa tersebut.

Terdapat berbagai-bagai huraian dan definisi kepimpinan, tetapi elemen asas kepimpinan ialah pengikut. Oleh itu jika tidak ada pengikut, maka tidak ada pemimpin. Justeru itu, terdapat berbagai-bagai gelaran yang diberikan terhadap pemimpin antaranya pemimpin tradisi,

pemimpin berkesan, pemimpin berwawasan, pemimpin bermisi, pemimpin karismatik, pemimpin transformasi dan pemimpin pengajaran.

Pemimpin transformasi adalah seorang yang suka melakukan perubahan dan pembaharuan. Ini jelas melalui visi dan misi yang dibentuknya. Selaras dengan itu adalah menjadi tanggungjawab pemimpin untuk menyampaikan secara berterusan, memperjelaskan misi dan visi sehingga dapat difahami, diterima dan dihayati oleh semua pengikutnya. Di sekolah peranan Guru Besar untuk memperjelaskannya kepada guru-guru kanan, guru-guru, pelajar, kakitangan, pekerja dan juga ibu bapa.

Oleh itu, seorang pemimpin transformasi, walau diletakkan di mana-mana sahaja tempat bertugas, sudah pasti beliau dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru. Pemimpin tidak menjadi kaku atau kehilangan idea kerana mereka sebenarnya mempunyai ciri-ciri yang istimewa yang tidak terdapat pada pemimpin biasa. Mereka adalah seorang pemikir yang berkesan, dapat menggunakan dan memanipulasikan segala kejadian dan peristiwa yang dihadapi sebagai pedoman, pendorong dan sebagai landasan untuk menghasilkan sesuatu jawapan atau keputusan yang boleh digunakan oleh banyak pihak yang terlibat. Segala peristiwa yang berlaku boleh mencetuskan pengalaman dan pengetahuan baru untuk dijadikan panduan pada masa-masa yang akan datang.

Rujukan

- A.L. Ramaiah, (1992), *Kepimpinan Pendidikan, Cabaran Masa Kini*”, Kuala Lumpur: IBS buku Sdn. Bhd.
- Edmonds, R.,(1979), “Efective school for urban poor”, *Educational Leadership*, 37(1), hlm. 15-27.
- Hussein Mahmood, (1993), “Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2002).
- Ibrahim Mamat, (1993), “Kepimpinan Sekolah: Teori Untuk Praktis.” Selangor: Kumpulan Budiman. 25 - 39.
- Kamarudin Hj Kachar (1989), “Pendidikan dan Masyarakat” Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd. dan Penerbit Asas Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Amalan-amalan terbaik pengurusan dan kepimpinan sekolah Kebangsaan Malaysia*, Genting Highlands.
- Mohd Majid Konting (1990), “Kaedah Penyelidikan Pendidikan”. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. 107, 238.
- Norlidah Saian (2000), “Kepimpinan Instruksional di Sekolah” Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- N Revindran (2006), “Persepsi Guru Besar Terhadap Masalah Pengurusan Dan Penyelesaiannya” Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Nota Syarahan Kursus “Kepimpinan Dalam Pendidikan.” Johor : Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia,Skudai.
- Sergiovanni, T.J., (1984), *Leadership and excellent in schooling*”, *Edseducational Leadership*, 39 (5). Hlm 330-336.
- Stogdill, R.M., (1974), “*Handbook of Leadership, A Survey of Theory and Reasearch*”. New York: The Free Press.
- Yusof Boon, “Kaedah Penyelidikan dalam pendidikan.” Johor: Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.